

Apabila ada sesuatu atau tiadanya menunjukkan adanya sesuatu yang lain atau tiadanya, maka yang terlebih utama ialah berpada dengan الدال (yang menunjukkan) daripada keduanya. Jika kedua-duanya (الدال والمدلول) disebut pula, maka yang terlebih utama pula ialah menta'khirkan الدال (yang menunjukkan).	قاعدة 17 إِذَا كَانَ ثُبُوتُ شَيْءٍ أَوْ نَفْيُهُ يَدُلُّ عَلَى ثُبُوتِ آخَرَ أَوْ نَفْيِهِ، فَالْأُولَى الْإِقْتِصَارُ عَلَى الدَّالِّ مِنْهُمَا، فَإِنْ ذُكِرَا فَالْأُولَى تَأْخِيرُ الدَّالِّ.
--	---

Maksud qaedah ini ialah apabila sesuatu mempunyai dua sifat dan salah satu daripada dua itu menunjukkan yang satu lagi, maka dalam keadaan itu yang lebih utamanya ialah berpada dengan yang menunjukkan (الدال) . Dan jika kedua-dua sifat disebutkan, maka yang lebih utamanya ialah menta'khirkan sifat yang menunjukkan (kepada sifat satu lagi yang tidak menunjukkan).

Qaedah ini dapat diaplikasi pada 2 firman Allah s.w.t. berikut:

(1)

وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمُوتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٣٧﴾

Bermaksud: Dan bersegeralah kamu kepada keampunan dari Tuhanmu dan kepada syurga yang lebarnya (bidangnya) seluas langit dan bumi. Ia disediakan untuk orang-orang yang bertaqwa. (Aali 'Imraan:133).

Syurga mempunyai dua sifat, panjang dan lebar. Oleh kerana lebarnya sudah menunjukkan kepada panjangnya, dikira memadai dengan menyebutkan lebarnya sahaja.

(2)

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّمَّا خَلَقَ ظِلَالًا وَجَعَلَ لَكُم مِّنَ الْجِبَالِ أَكَنَاتًا وَجَعَلَ لَكُم سُرَابِيلَ تَقِيكُمْ الْحَرَّ وَسُرَابِيلَ تَقِيكُمْ بَأْسَكُمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تُسْلِمُونَ ﴿٨٧﴾

Bermaksud: Dan Allah menjadikan bagi kamu sebahagian dari yang diciptakanNya: Benda-benda untuk berteduh dan Dia menjadikan bagi kamu sebahagian dari gunung-gunang tempat-tempat berlindung dan Dia juga menjadikan bagi kamu pakaian-

pakaian yang memelihara kamu dari panas (dan sejuk), juga pakaian-pakaian yang memelihara kamu semasa berjuang. Demikianlah, Dia menyempurnakan ni`matNya kepada kamu, supaya kamu berserah diri kepadaNya dan mematuhi perintahNya. (an-Nahl:81).

Sememangnya selepas perkataan الحر di dalam ayat ini ada perkataan والبرد yang ditaqdirkan. Oleh kerana perkataan الحر sudah menunjukkan والبرد, dibuang saja perkataan والبرد itu.